




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA NORMAL BAHARU COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 27 Zulkaedah 1443 / 27 Jun 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan peningkatan di mana jumlah kes yang dikesan adalah pada kadar purata kira-kira 920 kes setiap hari. Sebanyak 55,525 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 11.6% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak **Februari 2022**



Jumlah kes COVID-19 **satu minggu kebelakangan**

- i) Hasil terkini ujian *gene sequencing* bagi kes-kes COVID-19 telah mengesahkan terdapatnya *Omicron* subvarian BA.5 di negara ini, sebagai tambahan kepada *Omicron* subvarian BA.4 yang telah diumumkan pada sidang media minggu lepas. Oleh yang demikian, peningkatan kes-kes yang dilihat dalam beberapa minggu kebelakangan adalah besar kemungkinan disebabkan oleh *Omicron* subvarian BA.4 dan BA.5. Keadaan ini adalah serupa dengan keadaan yang dilihat di beberapa buah negara lain di mana adalah juga dijangkakan peningkatan ini tidak akan membebankan sistem penjagaan kesihatan di negara ini.

- ii) Walaupun jumlah kes didapati meningkat, jumlah kes di dalam Kategori 4 dan 5 terus berada di tahap yang rendah. Pada hari ini, sebanyak **2 kes** berada di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **4 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- iii) Serupa seperti keadaan pada minggu lepas, lebih 99% daripada kes-kes yang dikesan dalam masa satu minggu kebelakangan telah dikategorikan di dalam Kategori 1 atau 2 dan tidak memerlukan rawatan di hospital.
- iv) Sehingga hari Sabtu, 25 Jun 2022, liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam terus meningkat seperti berikut,
- **72.8%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala **12.1%** juga telah mendapatkan dos keempat;
 - Sebanyak **73.6%** daripada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun telah mendapatkan dos kedua vaksin;
 - Manakala hanya **49.4%** remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
2. Pada hari ini, sebanyak **1,185 kes baru** telah dilaporkan iaitu 1,173 kes hasil ujian ART dan 12 kes adalah hasil dari 267 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sejak 22 Jun yang lalu, Kementerian Kesihatan tidak lagi mengongsikan jumlah kes baru dan jumlah kes aktif harian COVID-19.
- Ini adalah kerana kadar imuniti yang tinggi di kalangan penduduk negara ini disebabkan oleh vaksinasi atau jangkitan semulajadi bermakna jumlah kes harian tidak lagi memberikan gambaran yang jelas terhadap kesan jangkitan kepada sistem penjagaan kesihatan negara. Gambaran alternatif yang lebih baik adalah melalui jumlah kes dalam Kategori 4 dan 5 serta kadar vaksinasi bagi kumpulan-kumpulan tertentu.
 - Oleh itu, Kementerian Kesihatan akan memfokuskan laporan semasa kepada jumlah kes dalam Kategori 4 dan 5 serta kadar vaksinasi bagi kumpulan-kumpulan tertentu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengongsikan tren pengesanan kes mingguan COVID-19 semasa sidang media mingguan ini.
 - Sementara itu, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk memuatnaikkan keputusan ujian ART, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth* untuk membantu Kementerian Kesihatan memantau situasi jangkitan. Pada amnya, dianggarkan sekurang-kurangnya 300,000 ujian ART dibuat setiap minggu di Negara Brunei Darussalam namun jumlah keputusan ujian ART yang dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* adalah jauh lebih rendah.

4. Dalam pada itu, surveilan jangkitan *influenza-like illness (ILI)* yang dilakukan berterusan oleh Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa pada masa yang sama, terdapat juga sedikit peningkatan kes-kes ILI sedang berlaku di negara ini di mana ujian makmal telah mengenalpasti virus dari jenis *rhinovirus* sebagai virus utama yang berlegar di dalam komuniti. Untuk mengawal penularan apa jua jangkitan ILI, orang ramai adalah diingatkan untuk melakukan tanggungjawab sosial masing-masing, asingkan diri jika merasa kurang sihat dan segera berjumpa dengan doktor jika simptom dirasakan lebih berat dari biasa.
5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, khususnya mereka yang positif ujian ART, berumur 18 tahun ke atas, menghidap penyakit kronik dan sedang mengalami tanda-tanda jangkitan COVID-19 bahawa mereka boleh hadir ke klinik flu di Pusat-Pusat Kesihatan Kerajaan bagi pemeriksaan lanjut untuk memastikan samada mereka boleh diberikan ubat anti-viral COVID-19 bagi mengawal tanda-tanda jangkitan daripada menjadi lebih teruk. Ubat anti-viral tersebut sebaik-baiknya mula dimakan dalam masa lima hari dari masa mula-mula mengalami tanda-tanda jangkitan.
6. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 27 Zulkaedah 1443H / 27 Jun 2022